

Headline	FRIM, badan kualiti UK jalin kerjasama		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,498



FRIM, badan kualiti UK jalin kerjasama

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) akan bekerjasama dengan Trada Technology Ltd (TTL) sebagai makmal ujian yang diluluskan untuk produk pembinaan dan kayu untuk tujuan eksport ke Eropah.

Perkhidmatan ujian merupakan sebahagian daripada proses pensijilan yang membuktikan produk mematuhi keperluan keselamatan dan kualiti bagi pasaran Eropah.

Perjanjian yang membolehkan makmal Frim menyertai skim CE Marking dan Q-Mark ini ditandatangani Julai lalu di London melibatkan Frim dan TTL iaitu cabang penilaian produk pembinaan Kumpulan BM Trada.

Skop ujian terhadap keperluan BM Trada Certification (BMTQ) Q-Mark/CE Mark di bawah perjanjian ini melibatkan ujian ketahanan kayu oleh Makmal Mikologi Kayu Frim selaras dengan EN350 dan ujian kekuatan struktur kayu oleh Makmal Kejuruteraan Kayu.

Majlis perjanjian menyaksikan Ketua Pengarah Frim, Datuk Abd Latif Mohmod mewakili Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) manakala TTL diwakili

Pengarahnya, Andrew Abbott.

Abd Latif berkata, ketahanan kayu yang digunakan dalam pengeluaran kayu lapis harus diuji mengikut EN 350 bagi mengelakkan rating ketahanan diturunkan gred. Ini menjadi tamparan buat produk kayu tempatan yang lebih berkualiti untuk diekspor ke Kesatuan Eropah (EU).

"Kayu bergergaji yang dipasarkan tanpa CE Marking juga akan diturunkan gred sekiranya tidak diuji mengikut keperluan teknikal sama. Halangan ini akan menjejaskan jualan produk kayu kita ke EU yang merupakan salah satu pasaran utama Malaysia," katanya.

BM Trada Q-Mark adalah salah satu proses pensijilan paling ketat untuk produk pembinaan,

yang diiktiraf oleh pihak berkuasa, penyedia jaminan kediaman dan digunakan oleh syarikat dan pengeluar pembinaan bertaraf.

Penandaan CE atau "CE Mark" adalah 'pasport' untuk membolehkan sesuatu produk dipasarkan dengan bebas di seluruh Eropah tanpa keperluan menjalankan ujian tambahan atau pensijilan sebagai bukti mematuhi keperluan undang-undang setiap negara anggota EU.



Abd Latif (dua, kiri) dan Abbot (tengah) bersama tetamu kehormat lain selepas menandatangani perjanjian di London, baru-baru ini.